




PENGENALAN

EKSA

APA ITU EKSA?

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) telah diperkenalkan mulai Januari 2014 oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sebagai inisiatif penjenamaan semula Amalan 5S dalam kalangan agensi-agensi sektor awam. Langkah penjenamaan semula 5S ini adalah seiring dengan perubahan dan kehendak semasa dalam meningkatkan prestasi dan daya saing organisasi di samping menyemarakkan lagi budaya kreatif dan inovatif di kalangan warga kerja Majlis Perbandaran Taiping (MPT).



FAEDAH PELAKSANAAN EKSA

Mewujudkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti (bersih, kemas dan rapi)

Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan organisasi

Mengenal pasti, mengurung dan menghapuskan pembaziran

Meningkatkan imej Jabatan/Bahagian/Unit MPT

Menjana idea kreatif di kalangan warga kerja MPT

Meningkatkan semangat kerja berpasukan ('teamwork')

Meningkatkan disiplin warga kerja MPT

Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang disediakan oleh MPT

TUJUAN EKSA

Mengamalkan Amalan 5S di samping mewujudkan persekitaran yang kondusif dengan berimej korporat yang mengutamakan kreativiti, inovasi dan Amalan Hijau ('Go Green') dengan memenuhi model penilaian dan pengauditan baharu yang dikeluarkan oleh MAMPU